



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**1-2 April 2021
19 Syaban 1442h**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Rugi RM7j angkara khianat• Kes sangkar ikan pecah tiada unsur jenayah – Polis• 52 nelayan Vietnam, 8 bot baharu mendarat di jeti haram ditahan• Tiga bot nelayan Vietnam dilupuskan di perairan Gong Balai (online)
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">• 12.8 juta benih ikan, udang dilepaskan (online)
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• 3 bot nelayan Vietnam jadi tukun
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• 52 nelayan Vietnam miliki dokumen mencurigakan ditahan• APMM tenggelam tiga bot nelayan Vietnam (online)
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• 102 bot asing jadi tukun tiruan
The Star	
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">• Ikan Patin died due to lack of oxygen in water
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	<ul style="list-style-type: none">• Mengapa penyu menangis?• Projek estet ikan di kawasan masjid
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY			33	02/04/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL				



JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	35	02/04/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			

Kes sangkar ikan pecah tiada unsur jenayah - Polis

TELUK INTAN: Tiada unsur jenayah dalam kejadian 280 buah sangkar ternakan ikan pecah dihanyutkan arus deras Sungai Perak dalam kejadian di sini, Isnin lalu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Superintenden Yahaya Hassan berkata, pemilik ternakan ikan sangkar berkenaan didapati membuat laporan polis berhubung kejadian berkenaan.

"Memang laporan polis sudah buat mengenai sangkar dihanyutkan arus disebabkan tali mengikat sangkar putus.

"Namun tiada ansur jenayah dalam kejadian ini dan polis

meminta syarikat itu membuat rujukan kepada Jabatan Perikanan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Semalam, akhbar ini melaporkan seorang penterak ikan sangkar mendakwa kerugian hampir RM7 juta selepas 280 sangkar ternakannya pecah dihanyutkan arus deras Sungai Perak.

Heng Zhi Yong, 33, berkata, kejadian kira-kira pukul 5 petang itu menyebabkan hampir kesemua ternakannya hampir 500 tan metrik terlepas ke dalam sungai manakala seba-

hagian besar daripada 280 buah sangkaranya musnah.

Termasuk sangkar yang musnah, dia menganggarkan rugi RM7 juta akibat kejadian yang disebabkan tali pengikat sangkar terputus.

Zhi Yong mengesyaki tali pengikat sangkar ikan dipotong kerana 10 tali yang digunakan untuk mengikat sangkar semuanya putus sekali gus.

Ketika kejadian, arus sungai deras dan dia yang dibantu 13 bot rakannya cuba menyelamatkan sangkar yang hanyut, namun usaha mereka gagal kerana sangkar terlalu besar.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU					
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				29	02/04/2021
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI					
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL					

52 nelayan Vietnam, 8 bot baharu mendarat di jeti haram ditahan

Oleh MASTURAH SURADI

utusannews@mediamulia.com.my

MERSING: Sebanyak lapan buah bot nelayan tempatan kelas C serta 52 orang nelayan Vietnam yang berada dalam keadaan mencurigakan berjaya ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Mersing, malam tadi.

Pengarah Maritim Negeri Johor, Laksamana Pertama Maritim Nurul Hizam Zakaria berkata, kesemua mereka ditahan di sebuah jeti haram pada posisi 3.2 batu nautika dari muara Sungai Endau pada pukul 8.45 malam.

"Tiga bot yang ditahan dikecambas memasuki Sungai Endau dalam keadaan mencurigakan dan Zon Maritim Mersing terus bertindak dengan mengatur gerak anggota serta aset untuk membuat pemeriksaan."

"Pada masa yang sama, Zon Maritim Mersing juga telah menerima aduan awam berkaitan



MARITIM Malaysia berjaya menahan lapan buah bot nelayan tempatan kelas C serta 52 orang nelayan Vietnam dalam keadaan mencurigakan di sebuah jeti haram Sungai Endau, Mersing di Johor.

sekelompok bot nelayan tempatan yang mencurigakan bertambat (ikat) antara satu sama lain di sebuah jeti haram sekitar Sungai Endau.

"Hasil pemeriksaan mendapati kesemua bot nelayan tempatan kelas C yang bertambat di jeti haram itu dikendalikan oleh 52 kru warga Vietnam berusia 22 hingga 55 tahun," katanya dalam satu kenyataan di sini,

semalam.

Menurut Nurul Hizam, kesemua kru tersebut disyaki baru tiba dari Vietnam berdasarkan pemeriksaan ke atas data dan rekod daripada sistem GPS HISTORY.

Jelasnya, mereka juga telah mengemukakan dokumen pengenalan diri yang mencurigakan dan lesen bot yang telah tamat tempoh.

"Semua kru ditahan dan dibawa ke Pejabat Zon Maritim Mersing untuk siasatan lanjut. Kes ini akan disiasat dibawah Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Perikanan 1985."

"Maritim Malaysia mengingatkan kepada seluruh komuniti maritim agar sentiasa mematuhi undang-undang dan sekiranya gagal tindakan sewajarnya akan dikenakan."

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		UTUSAN ONLINE	01/04/2021
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			

Tiga bot nelayan Vietnam dilupuskan di perairan Gong Balai



ANTARA tiga bot nelayan Vietnam yang ditenggelamkan untuk dijadikan tukun tiruan di perairan Gong Balai di Merchang, Marang hari ini.

Oleh ROSALINDA MD SAID 1 April 2021, 2:21 pm

MARANG: Tiga bot nelayan Vietnam yang dilucut hak ditenggelamkan kira-kira 3.6 batu nautika dari perairan Gong Balai di sini hari ini.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) negeri, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd. Ramli berkata, kesemua bot itu dilucut hak oleh mahkamah pada 2020 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan negara selepas ditahan dalam Op Kuda Laut.

"Ini merupakan pelupusan ketujuh pada tahun ini dan dijangkakan 40 bot lagi bakal ditenggelamkan setelah mendapat pelucutan hak daripada mahkamah.

"Sehingga kini, sejumlah 102 bot telah ditenggelamkan sebagai tukun di sepanjang perairan Terengganu oleh Maritim Malaysia negeri," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kaedah penenggelaman sebagai tukun merupakan satu inisiatif dalam memulihara dan menggalakkan biodiversiti marin sekali gus menjadi simbolik kepada keseriusan Maritim Malaysia dalam mengekang kemasukan nelayan asing ke perairan negara secara haram.

Muhammad Suffi berkata, program berkenaan turut mendapat kerjasama Jabatan Perikanan, Jabatan Laut, Persatuan Nelayan Kuala Terengganu Utara dan Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT).

Katanya, Maritim Malaysia akan terus melaksanakan rondaan bagi mengesan kegiatan pencerobohan nelayan asing dan juga aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang di sekitar perairan Terengganu.

Sehubungan itu, orang ramai terutama komuniti maritim digesa melaporkan sebarang maklumat, pelanggaran undang-undang atau kejadian kecemasan yang berlaku di perairan negara ke talian MERS 999 atau 09- 6224357 (pusat operasi Maritim Malaysia negeri). -UTUSAN ONLINE

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH 02/04/2021
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			

12.8 juta benih ikan, udang dilepaskan

Mohd Rafi Mamat - April 2, 2021 @ 7:37am

bhnews@bh.com.my



Datuk Bandar Kuantan, Datuk Hamdan Hussin (tiga dari kiri) dan Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar (dua dari kiri) melepaskan benih udang galah pada program pelepasan 43,000 benih ikan dan udang galah bagi memperkaya biodiversiti Sungai Bandaraya Kuantan. - Foto NSTP/Mohd Rafi Mamat

KUANTAN: Jabatan Perikanan Negeri Pahang melepaskan sebanyak 12.8 juta benih pelbagai spesies ikan dan udang galah ke perairan umum negeri ini dalam tempoh 10 tahun sejak 2010.

Pengaruhnya, Abdullah Jaafar berkata, aktiviti pelepasan benih dilakukan sepanjang tahun membabitkan beberapa sungai utama termasuk tasik di negeri ini dalam usaha menambah sumber perikanan.

Katanya, jabatan berharap golongan nelayan darat dan masyarakat setempat serta peminat aktiviti memancing mendapat manfaat daripada program pelepasan benih ikan dan udang galah yang dilakukan.

"Kerjasama pelbagai pihak termasuk komuniti setempat dilakukan dalam menjayakan aktiviti pelepasan benih ikan dan udang galah yang turut akan menjadi produk pelancongan di kawasan terbabit.

"Jabatan sentiasa berusaha menambah sumber perikanan di beberapa sungai utama seperti Sungai Pahang, Sungai Rompin dan Sungai Jelai yang sebelum ini terkenal dengan pelbagai spesies ikan air tawar dan udang galah," katanya.

Beliau berkata demikian pada program pelepasan 43,000 benih ikan dan udang galah bagi memperkayakan biodiversiti Sungai Bandaraya Kuantan yang dirasmikan Datuk Bandar Kuantan, Datuk Hamdan Hussin, di sini semalam.

Abdullah berkata, pihaknya melepaskan sebanyak 3,000 benih ikan siakap dan 40,000 benih udang galah di beberapa lokasi sepanjang Sungai Kuantan termasuk hadapan Menara 188 Kuantan.

Katanya, program pelepasan benih udang dan ikan di Sungai Kuantan dilakukan setiap tahun, namun kali ini lebih 100 induk udang galah dewasa dilepaskan.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		21	02/04/2021
HARIAN METRO	/ NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			



SEMUA bot yang ditenggelamkan ditahan Kapal Maritim (KM) Gemia dalam Op Kuda Laut.

Kuala Terengganu: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menenggelamkan tiga bot nelayan Vietnam pada jarak 3.6 batu nautika di perairan Gong Balai, Merchang, Marang untuk dijadikan tukun tiruan, semalam.

Pengarahnya Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, ia adalah bot nelayan Vietnam yang ditahan serta dilucut hak oleh mahkamah sepanjang tahun lalu kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan negara.

Katanya, semua bot itu ditahan Kapal Maritim

(KM) Gemia dalam Op Kuda Laut yang dilaksanakan sepanjang tahun lalu.

"Ini adalah pelupusan ketujuh untuk tahun ini dan sebanyak 40 bot lagi akan ditenggelamkan selepas mendapat pelucutan hak daripada mahkamah.

"Sehingga kini, APMM sudah menenggelamkan sebanyak 102 bot sebagai tukun tiruan di sepanjang perairan Terengganu," katanya, semalam.

Katanya, kaedah menenggelamkan bot sebagai tukun tiruan adalah satu inisiatif dalam memulihara dan menggalakkan biodiversiti marin serta simbolik

kepada keseriusan APMM dalam mengekang kemasukan nelayan asing ke perairan negara secara halam.

"Pelupusan bot ini turut mendapat kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, Persatuan Nelayan Kuala Terengganu Utara serta Institut Sumber Marin Asia Tenggara (Ismat).

"Kita akan terus melaksanakan rondaan untuk mengesan kegiatan pencerobohan nelayan asing dan aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang di sekitar perairan Terengganu," katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU					
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				14	02/04/2021
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI					
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL					



SEBAHAGIAN bot yang ditahan bersama 52 nelayan Vietnam di sebuah Jeti haram di Mersing malam kelmarin.

52 nelayan Vietnam miliki dokumen mencurigakan ditahan

MERSING – Seramai 52 nelayan warga Vietnam yang dipercayai memiliki dokumen pengenalan diri mencurigakan ditahan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Mersing di sebuah jeti haram di kedudukan 3.2 batu nautika dari muara Sungai Endau di sini kelmarin.

Dalam serbuan pukul 8.45 malam itu, pihak berkuasa turut menyita lapan buah bot nelayan tempatan kelas C yang mereka naiki kerana didapati menggunakan lesen bot yang telah tamat tempoh.

Pengarah Maritim Negeri Johor, Laksamana Pertama Maritim Nurul Hizam Zakaria memberitahu, pada mulanya se-

banyak tiga buah bot yang mencurigakan dikesan memasuki Sungai Endau.

“Pasukan kami kemudian bertindak dengan mengatur gerak tugas anggota serta aset untuk melakukan pemeriksaan.

“Pada masa sama, APMM Zon Maritim Mersing turut menerima aduan awam berkaitan beberapa lagi bot nelayan tempatan yang mencurigakan bertambat antara satu sama lain di sebuah jeti haram sekitar Sungai Endau.

“Hasil pemeriksaan mendapat, kesemua bot nelayan tempatan kelas C yang bertambat di jeti haram tersebut dikendalikan oleh 52 kru warga Vietnam yang berusia antara 22 hingga 55 ta-

hun,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Nurul Hizam berkata, kesemua kru tersebut disyaki baharu tiba dari Vietnam berdasarkan pemeriksaan ke atas data serta rekod daripada sistem khas Gps History.

Menurutnya, kesemua nelayan terbabit juga telah mengemukakan dokumen pengenalan diri yang mencurigakan, manakala lesen bot tersebut didapati telah tamat tempoh.

“Semua kru yang ditahan dibawa ke Pejabat Zon Maritim Mersing untuk siasatan lanjut. Kes disiasat di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Perikanan 1985,” ujarnya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT KOSMO ONLINE	TARIKH 01/04/2021
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			



Salah sebuah daripada tiga bot nelayan Vietnam yang telah dilucutkan dan dilupuskan sebagai tukun tiruan di perairan Gong Balai, Merchang dekat Marang hari ini.

APMM tenggelam tiga bot nelayan Vietnam

Oleh MOHD AZLI ADLAN | April 2021, 4:23 pm

MARANG – Tiga lagi bot nelayan Vietnam yang selesai dilucutkan oleh mahkamah telah ditenggelamkan Maritim Malaysia (APMM) di perairan Terengganu hari ini.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd. Ramli berkata, kesemua bot tersebut ditenggelamkan pada kedudukan 3.6 batu nautika dari perairan Gong Balai, Merchang di sini.

Beliau berkata, pendekatan tersebut membuktikan ketegasan APMM menangani isu kerakusan nelayan asing menceroboh perairan negara.

"Ketiga-tiga bot nelayan Vietnam itu ditenggelamkan untuk dijadikan tukun tiruan sebagai inisiatif menggalakkan biodiversiti marin di perairan Terengganu.

"Setakat ini, APMM sudah menenggelamkan tujuh nelayan asing yang telah dilucutah sejak awal tahun ini," katanya kepada Kosmo! di sini hari ini.

Muhammad Suffi berkata, pihaknya menjangkakan 40 lagi bot nelayan Vietnam yang disita atas kesalahan menangkap ikan di perairan Terengganu akan dilupuskan sepanjang tahun ini secara berperingkat setelah proses lucutah diselesaikan mahkamah.

Tambah beliau, setakat ini, 102 bot nelayan asing telah ditenggelamkan sebagai tukun tiruan di perairan Terengganu. – K! ONLINE

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT 29	TARIKH 02/04/2021
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			

102 bot asing jadi tukun tiruan

Dilucut hak kerana menangkap ikan di perairan negara

Oleh NORHASPIDA VATIM

MARANG

Sebanyak 102 bot nelayan asing yang dilucut hak oleh mahkamah atas kesalahan menceroboh perairan negara sejak 2010 sehingga kini dilupuskan menjadi tukun tiruan.

Terbaru, dua bot nelayan Vietnam ditenggelamkan sebagai tukun tiruan berhampiran perairan Gong Bafai, Merchang, di sini, pada Khamis.

Pengarah Agenensi Pengawatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, bot bernama dilucut hak sepanjang 2020 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan negara.

Beliau berkata, kesemua bot ini ditanah oleh Kapal Maritim (KM) Gemia menerusi Op Kuda Laut yang dilakukan sepanjang tahun lalu.

"Ini adalah pelupusan kali ketujuh tahun ini dan dijangka sebanyak 40 bot lagi hakal ditenggelamkan selepas mendapat perlucutan hak daripada mahkamah pada 2021."

"Sehingga kini, sejumlah 102 bot telah ditenggelamkan untuk dijadikan tukun tiruan di sepanjang perairan Terengganu," katanya menerusi satu kenyataan pada Khamis.

tuan pada Khamis.

Beliau berkata, pelupusan bot nelayan asing sebagai tukun adalah inisiatif bagi memulihara dan menggalakkan biodiversiti maritim serta simbolik kepada keseriusan Maritim Malaysia dalam mengekang kemasukan nelayan asing ke perairan negara secara haram.

"Program pelupusan bot ini turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, Persatuan Nelayan Kuala Terengganu Utara serta Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT).

"Maritim Malaysia akan terus melaksanakan rondaan untuk mengesan kegiatan pencerobohan nelayan asing dan juga aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang di sekitar perairan Terengganu," katanya.

Dalam pada itu katanya, Maritim Malaysia meminta kerjasama masyarakat terutama komuniti maritim melaporkan sebarang maklumat perlakuan melanggar undang-undang dan kejadian kecemasan yang berlaku di perairan Negara ke talian MERS 999 atau 09-6224357 (Pusat Operasi) Maritim Terengganu.



Bot nelayan asing yang ditenggelamkan sebagai tukun tiruan buat memberi macam2 kepada nelayan.



JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		7	01/04/2021
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	/	THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			

THOUSANDS DEAD

'IKAN PATIN DIED DUE TO LACK OF OXYGEN IN WATER'

Pahang Fisheries Dept says high stocking density in cages among factors that killed the fish

T.N. ALAGESH
KUANTAN
news@nst.com.my

EXTRREMELY murky river water and high stocking density of fish in cages were among several factors which led to the death of thousands of *ikan patin* (silver catfish), whose carcasses were spotted floating at farms along Sungai Pahang near Jerantut Ferry here since Sunday.

State Fisheries Department director Abdullah Jaafar said the department, acting on a report, had gone to the farms at Sungai Pahang in Kampung Lada, Jerantut, on Tuesday to collect the water and live fish samples.

He said based on statements taken from the affected breeders, inspection at their farms and lab reports from the Fisheries Biosecurity unit here, the department found several factors contributed to the incident.

"It rained for three consecutive days and the sudden change in weather resulted in the river water becoming extremely murky. The fish died from a lack of oxygen.



Silver catfish carcasses in a cage along Sungai Pahang near Jerantut on Tuesday. PIC COURTESY OF FISH FARM OPERATORS

The high stocking density in the cages had also caused chronic stress and injuries to the fish. The fish were then easily exposed to parasite infection," he said in a statement.

Abdullah said that following the incident, the department had initiated short-term measures, including deploying officers to provide regular consultation to the breeders on how to overcome the problems.

"The department will monitor the farms and ensure the breeders harvest the *patin* when it reaches market size (that is, not keeping them too long in the cages).

"Farmers have been advised to reduce the stocking density to at least half of the current population.

"The department will organise MyGAP (Malaysian Good Agricultural Practice) awareness

courses so that the breeders will adopt proper methods in managing their ventures," he said.

On Tuesday, a group of breeders operating near Jerantut Ferry suffered more than RM100,000 in losses after being forced to remove thousands of floating *ikan patin* carcasses from their farms.

Some claimed that this was the first time they had experienced such an unusual situation which led to major losses.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	11	01/04/2021
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI HARIAH		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

Mengapa penyu menangis?

Oleh DATO' ISKANDAR ABDUL SAMAD
Ketua Penyelaras Pusat Sumber Untuk Kemanjangan Masyarakat Dan Perumahan (REACH)



SAYA pernah memberitahu seorang pesuguh bahawa saya tidak memerlukan beg plastik kerana saya tidak mahu membuat buruk penyu. Peniaga tersebut terpinga-pinga kerana dia tidak memahami kaitan di antara penyu dan beg plastik. Tetapi apakah hubungan di antara penyu dan beg plastik? Satu di laut dan satu di darat, di manakah mereka bertemu?

Sebenarnya terdapat beg plastik dan produk-produk plastik pasca buang yang terbuang ke sungai-sungai dan akhirnya ke laut. Dianggarkan terdapat 100 juta tan produk-produk plastik terbuang ke dalam lautan dan laut di seluruh dunia.

Haiwan laut seperti penyu tidak dapat membezakan beg plastik dari makaman-makanan semulajadi mereka seperti otor-otor. Ada yang termakan produk plastik seperti beg plastik dan ia boleh mengakibatkan kematian.

Beg plastik ini boleh mengakibatkan penyu tercekik. Plastik yang tajam juga boleh memborkorok organ dalaman haiwan tersebut selain dari menyumbat usus mereka yang mengakibatkan kegagalan untuk menyerap makanan.

Menurut World Wildlife Fund (WWF), kajian menunjukkan 52 peratus dari populasi penyu pernah termakan plastik. Dari jumlah

itu pula, 22 peratus dari bilangan tersebut berhadapan dengan risiko kematian.

Tetapi jika ada penyu-penu yang mati, adakah ini akan memberi kesan kepada kita? Jawabnya ya, pengurangan populasi penyu di lautan akan memberi kesan kepada manusia.

Contohnya penyu adalah haiwan yang memakan otor-otor (*jellyfish*). Dengan secara tidak langsung penyu dapat mengawal populasi otor-otor. Tetapi kenapa populasi otor-otor perlu dikawal?

Populasi haiwan ini perlu dikawal kerana ia memakan tebur-tebur ikan. Sekiranya populasi penyu berkurangan dan populasi otor-otor tidak terkawal maka ini bermakna populasi ikan akan berkurangan kerana tebur-tebur ikan akan dimakan oleh otor-otor.

Ini bermakna beg plastik yang kita buang akan memberi kesan kepada jumlah tangkapan ikan oleh nelayan-nelayan. Ini bermakna jika penyu menangis kita juga akan menangis.

Selain dari itu kulit-kulit tebur yang ditinggalkan setelah tebur penyu menetas di pantai dan anak-anak penyu yang mati kerana gagal sampai ke laut adalah sumber nutrien yang penting bagi tumbuh-tumbuhan di pesisiran pantai.

Tumbuhan-tumbuhan ini dapat mengelaskan hakisan di tepi pantai kerana ia mengukuhkan Kawasan-kawasan tersebut dan dapat bertahan apabila dipulai ombak. Secara tidak langsung penyu membantu mengukuhkan pesisiran pantai. Tetapi bukan ini sahaja jasa penyu kepada kita, ada banyak lagi.

Mungkin tidak ramai yang me-

nyardari perkara-perkara ini. Allah SWT telah mengatur kesimbangan alam ini dan sebarang tindakan tidak bertanggungjawab oleh manusia akan memberi kesan yang buruk kepada mereka.

Sebuah negara di Afrika pernah melaksanakan program untuk mengeranggakan populasi sejenis spesis burung kerana ia menimbulkan masalah kepada para petani. Walaupun bagaimana pun mereka lupa spesis burung ini bertanggungjawab mengawal

seperangkat burung dan cicak, ia juga memakan serangga yang mengganggu tanaman-tanaman.

Aktiviti semut membuat sarang di dalam tanah dapat memastikan udara dan air dapat sampai ke akar-akar pokok.

Hari ini terdapat aktiviti-aktiviti alam sekitar yang memperjuangkan nasib haiwan-haiwan terancam seperti ikan paus, ikan lumba-lumba atau orang utan.

Usaha-usaha ini bukan semata-mata untuk menyelamatkan

seperti burung dan cicak, ia juga memakan serangga yang mengganggu tanaman-tanaman.

Aktiviti semut membuat sarang di dalam tanah dapat memastikan udara dan air dapat sampai ke akar-akar pokok.

Hari ini terdapat aktiviti-aktiviti alam sekitar yang memperjuangkan nasib haiwan-haiwan terancam seperti ikan paus, ikan lumba-lumba atau orang utan.

Usaha-usaha ini bukan semata-mata untuk menyelamatkan

kecil atau besar akan menghasilkan tindak balas sama ada baik atau buruk. Kebanyakan bencana seperti banjir, tanah runtuh dan banyak lagi adalah akibat tangan-tangan manusia.

Dalam Al-Quran Surah Ar-Rum ayat ke 41, Allah SWT yang bermaklud, "Jelah timbul pelbagai kerusakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan perbuatan buruk yang mereka lakukan supaya mereka kembali (insaf dan bertauhan)."

Satu lagi contoh adalah pembangunan hutan kerana aktiviti pembalakan atau pertanian yang tidak terkawal didakwa telah mengakibatkan banjir besar. Sebelum pokok-pokok ditebang, ia bermampu menyerap dan menyimpan hujan yang turun.

Sebahagian pokok yang besar dapat menyerap lebih 3,500 liter air hujan setahun. Sekiranya 1,000 pokok pokok ditebang untuk mendapatkan balak maka ia bermakna lebih 3.5 juta liter air hujan tidak akan lagi diserap dan tersimpan di atas tanah setiap tahun.

Sekiranya air tambahan ini tidak dapat disalirkkan dengan berkesan maka sudah tentu akan berlaku banjir. Ia adalah Khalifah di atas mukta bumi ini, kita bertanggungjawab untuk mendidir dunia ini dengan baik. Jangan pula kita yang menghancurkan



haiwan-haiwan tersebut tetapi untuk mengekalkan kesimbangan ekosistem (ecosystem) yang akan memberi kesan yang buruk kepada kita semua jika terganggu.

Segala-gala di dalam alam ini

berlaku di antara satu sama lain.

Sebagian tindakan kita-sama ada

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		01/04/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI HARAKAH	II	
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

Projek estet ikan di kawasan masjid

KOTA BHARU: Projek estet ikan di Masjid Ar Rahman Pulau Gajah Pengkalan Chepa yang mula dilaksanakan tahun lalu kini membawa hasil.

Projek estet ikan berkenaan antara usaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi menambah pengeluaran ikan negara.

Timbalan Menterinya, Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, projek itu merupakan yang pertama di Kelantan dan semenanjung Malaysia.

Katanya tahun lalu sebanyak 3,000 benih ikan dilepaskan ke dalam estet ikan berkenaan yang mempunyai keluasan 1.62 hektar.

"Kini kita sudah mempunyai 11 estet ikan di seluruh negara bagaimanapun ia adalah estet ikan air tawau.

"Bagaimanapun di sini



Che Abdullah Mat Nawi mengangkat ikan yang dipancing peserta.

adalah estet ikan air payau," katanya kepada media selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang tuai hasil estet ikan di tasek masjid berkenaan baru-baru ini.

Che Abdullah turut me-

ngucapkan tahniah kepada peserta terutama komuniti dan ahli Jawatankuasa Masjid Ar-Rahman yang berusaha sehingga program berkenaan berjaya.

Masjid terbabit turut menjadikan agro pelancon-

gan yang menjadi tumpuan pelancong. Ia secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan tabung masjid tersebut.

Sempena program tersebut turut diadakan pertandingan memancing.